



**NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Penyebut Harga berpengalaman atau berkeupayaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang dinyatakan adalah dipelawa untuk menyertai tawaran sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK PERKHIDMATAN	KOD BIDANG BEKALAN
JKSPk. 1/2026	PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN SERTA PENYENGGARAAN SENITAMAN MAHKAMAH SYARIAH SERI ISKANDAR	221001, 221002, 221003
JKSPk. 2/2026	PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN SERTA PENYENGGARAAN SENITAMAN MAHKAMAH SYARIAH KUALA KANGSAR	221001, 221002, 221003

2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi secara percuma dengan mengisi borang tapisan saringan terlebih dahulu secara online melalui pautan laman sesawang <https://forms.gle/JoB8yRNQcaGg75q59> atau dengan menggunakan 'QR Code' di bawah.



3. Sekiranya tapisan saringan berjaya, urusetia akan emel dokumen sebut harga yang dipohon pada syarikat berkenaan.

4. Penyebut Harga adalah tertakluk kepada Syarat dan Terma yang telah ditetapkan.

5. Dokumen Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis mengikut **"NO. SEBUT HARGA"** pada atas sudut sebelah kiri sampul dan di alamatkan seperti alamat di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang terletak di Aras 3, Bhg. Khidmat Pengurusan, Jabatan Kehakiman Syariah Perak.

**JAWATANKUASA SEBUT HARGA
ARAS 3, JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PERAK
JALAN TAN SRI HAJI HARUSSANI
30100 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN**

**TARIKH TUTUP PENGHANTARAN: 26 FEBRUARI 2026
TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00 TENGAH HARI**

6. Penyebut Harga juga dibenarkan menghantar Dokumen Sebut Harga menggunakan pelbagai jenis pos sama ada berdaftar atau tidak dengan menggunakan alamat di atas. Walaubagaimana pun, Pentadbiran ini tidak bertanggungjawab terhadap sebut harga yang lewat atau hilang jika dihantar melalui pos. Semua kos yang berkaitan dengan penghantaran dokumen tersebut di atas adalah tanggungjawab pembekal.

7. Jabatan ini tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran dan berhak membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi urus setia di talian:

No. Telefon: 05 – 5014 800
Emel: sebuthargajkspk@gmail.com

Sekian dan terima kasih.

**YAA. Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak**